



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ZON TENGAH UNIT I (WPKL)



UNTUK SIARAN SEGERA

14 APRIL 2023

BILANGAN 01/2023 (WPKL)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ZON TENGAH (WPKL) MEMATAHKAN SINDIKET PEMBEKALAN KONTRABAN (ROKOK & MINUMAN KERAS) DI LEMBAH KLANG

Bahagian Penguatkuasaan **JKDM Zon Tengah Unit I (WPKL)** telah berjaya membuat tangkapan dan sitaan terhadap beberapa kes kontraband iaitu rokok dan arak seludup. Modus operandi utama yang dijalankan adalah penyimpanan rokok di kawasan perumahan kediaman bagi mengaburi pihak berkuasa. Anggaran keseluruhan nilai rampasan tersebut adalah sebanyak **RM538,668.00** dan melibatkan jumlah cukai dan duti sebanyak **RM2,711,864.00**.

KES 1

PERINCIAN KES

1. Pada 06 April 2023 jam 04.30 petang, bertindak atas maklumat Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA), pasukan Operasi dari Bahagian Penguatkuasaan **JKDM Zon Tengah Unit I (WPKL)** berjaya mematahkan aktiviti penyimpanan rokok putih dan kretek yang disyaki tidak berkastam melalui serbuan sebuah rumah di **Taman Mutiara Barat, Cheras**.
2. Hasil pemeriksaan rapi terhadap rumah kediaman terbabit telah menemukan muatan berisi 300 peti rokok putih dan kretek berbagai jenama yang disyaki tidak berkastam berjumlah **3,112,800 batang** dengan anggaran nilai sebanyak **RM425,464.00** membabitkan jumlah cukai dan duti yang terlibat dianggarkan berjumlah **RM2,096,994.00**.
3. Serbuan yang dilakukan bersama pasukan khas Cobra telah menemui sejumlah rokok pelbagai jenama yang disyaki tidak berkastam kerana tidak memiliki setem cukai yang sah. Pengimportan rokok memerlukan lesen import dan setem cukai yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia di bawah **Peraturan 42(1), Peraturan-Peraturan Kastam 2019**.



upa_wpkl@customs.gov.my



www.customs.gov.my



jkdm_wpkl



JKDM Zon Tengah Unit I WPKL



03-7884 0800



03-78040195

4. Semakan lanjut di dalam rumah tersebut tidak menemukan sebarang dokumen berkaitan kelulusan pengimportan dan siasatan lanjut sedang giat dilakukan untuk mengesan pemilikan atau kumpulan sindiket yang terlibat bagi tindakan selanjutnya.
5. Sindiket menjadikan rumah tersebut sebagai lokasi transit kerana strategik dengan perumahan kejiranan dan dipercayai baru satu bulan menjalankan aktiviti penyimpanan rokok dan disyaki menjadi pembekal utama di kawasan Lembah Klang kerana kuantiti rampasan yang agak besar.

KESALAHAN

6. Kes ini sedang disiasat di bawah Akta Kastam 1967 iaitu;

Menyimpan atau memiliki apa-apa barang tak berkastam atau larangan import di bawah **Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967**. Jika sabit kesalahan, mahkamah boleh mengenakan hukuman denda tidak kurang sepuluh (10) kali amaun duti kastam atau RM100,000.00 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari dua puluh (20) kali nilai barang atau RM500,000.00 yang mana lebih besar, atau dipenjarakan tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.

KES 2

PERINCIAN KES

7. Pada 05 April 2023 jam 11.30 malam, bertindak atas maklumat risikan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA), pasukan Operasi dari Bahagian Penguatkuasaan **JKDM Zon Tengah Unit I (WPKL)** berjaya mematahkan aktiviti pembekalan rokok seludup melalui serbuan di sebuah rumah di **Kampung Parit Mahang, Jeram, Selangor**.
8. Pemeriksaan rapi di sebuah kabin kontena tersebut telah menemukan sejumlah rokok putih dan kretek pelbagai jenama yang disyaki tidak berkastam berjumlah **381,840 batang** yang dianggarkan bernilai **RM30,848.00** membabitkan cukai dan duti yang terlibat dianggarkan berjumlah **RM255,100.00**.
9. Tangkapan terhadap satu lelaki warganegara yang merupakan pemilik rumah telah dilakukan dan siasatan lanjut berkaitan pembekal utama di kawasan tersebut masih dalam siasatan lanjut.



10. Lelaki tersebut dipercayai telah tiga bulan menjalankan aktiviti pembekalan rokok tersebut dan menjadikan kabin kontena bersaiz 20 kaki di kawasan rumahnya sebagai tempat menyimpan rokok seludup dan aktif menjual secara pukal kepada pelanggan sekitar.

KESALAHAN

11. Kes ini sedang disiasat di bawah Akta Kastam 1967 iaitu;

Menyimpan atau memiliki apa-apa barang tak berkastam atau larangan import di bawah **Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967**. Jika sabit kesalahan, mahkamah boleh mengenakan hukuman denda tidak kurang sepuluh (10) kali amaun duti kastam atau RM100,000.00 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari dua puluh (20) kali nilai barang atau RM500,000.00 yang mana lebih besar, atau dipenjarakan tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.

KES 3

PERINCIAN KES

12. Bahagian Penguatkuasaan **JKDM Unit I (WPKL)** telah menjalankan Operasi Khas iaitu **Ops Buih** pada 20 - 24 Mac 2023. Operasi ini fokus kepada mematahkan rangkaian aktiviti menyimpan dan menjual barang tidak berkastam iaitu minuman keras di kawasan Lembah Klang. Hasil operasi yang dijalankan telah menyita sejumlah minuman keras dengan anggaran nilai sebanyak **RM82,356.00** dan melibatkan anggaran cukai sebanyak **RM359,770.00**.
13. Tangkapan dan rampasan ini tertumpu di kawasan panas (*hotspot*) di Lembah Klang melibatkan aktiviti pembekalan, penjualan dan penyimpanan minuman keras atau arak seludup yang dipercayai dibawa masuk melalui mod darat.
14. Sepuluh OYDS telah ditahan sepanjang operasi berlangsung dan 15 kertas siasatan telah dibuka bagi tujuan pendakwaan. Siasatan lanjut sedang giat dijalankan bagi mengesan baki sindiket yang masih aktif terutama di kawasan Lembah Klang.



KESALAHAN

15. Kes yang diperolehi melalui Ops Buih ini sedang disiasat di bawah Akta Kastam 1967 iaitu;

Menyimpan atau memiliki apa-apa barang tak berkastam atau larangan import di bawah **Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967**. Jika sabit kesalahan, mahkamah boleh mengenakan hukuman denda tidak kurang sepuluh (10) kali amaun duti kastam atau RM100,000.00 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari dua puluh (20) kali nilai barang atau RM500,000.00 yang mana lebih besar, atau dipenjarakan tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.

KERJASAMA ORANG AWAM

16. Sehubungan itu, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenyaah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ianya turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
17. JKDM menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi **Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855**, laman sesawang aduan awam iaitu <http://aduan.customs.gov.my> atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

WONG PUN SIAN
PENGARAH OPERASI PENGUATKUASAAN
ZON TENGAH
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
14 APRIL 2023



upa_wpkl@customs.gov.my



www.customs.gov.my



[jkdm_wpkl](https://www.instagram.com/jkdm_wpkl)



JKDM Zon Tengah Unit I WPKL



03-7884 0800



03-78040195